



Bakal dibangunkan oleh SP Setia

KL Eco City mesra alam

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
bisnes@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 15 Nov. - SP Setia Bhd. (SP Setia) telah mendapatkan kemudahan pembiayaan bersindiket berjumlah RM460 juta bagi membangunkan projek KL Eco City dengan nilai kasar RM6 bilion.

Pembiayaan awal projek terbesar di ibu kota dan terletak di Jalan Bangsar dan Kg. Abdullah Hukum itu, akan dibiayai oleh tiga institusi kewangan Islam iaitu HSBC Amanah Malaysia Bhd. (HSBC Amanah), Hong Leong Islamic Bank Bhd. (HLIB) dan Bank Muamalat Malaysia Bhd. (Bank Muamalat).

KL Eco City merupakan projek kerjasama di antara SP Setia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SP Setia, Tan Sri Liew Kee Sin berkata, pihaknya dalam proses menjalankan fasa pertama daripada empat fasa projek tersebut.

Katanya, fasa pertama projek KL Eco City dijangka menelan kos sebanyak RM2 bilion.

"Sekarang, kami berada dalam proses pembinaan dan menanam cerucuk bagi projek KL Eco City dan



GAMBARAN artis tentang projek KL Eco City di Kuala Lumpur.

ia dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

"Keseluruhan projek dijangka siap dalam tempoh 10 tahun," ka-

tanya selepas menghadiri majlis meterai perjanjian kemudahan pembiayaan kewangan bersindiket berjumlah RM460 juta dan majlis per-

rasmian KL Eco City di sini hari ini.

Kedua-dua majlis itu disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Ban-

dar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

SP Setia kini mempunyai bank tanah seluas 2,000 hektar di seluruh negara kecuali di Sarawak.

Projek KL Eco City meliputi pembinaan menara kediaman, pangsupuri perkhidmatan, pejabat, dan podium peruncitan di kawasan seluas 9.6 hektar.

Ia dijangka menjadi projek pertama dalam negara mempunyai ciri-ciri pembangunan hijau mampan.

Malah, SP Setia turut menyasarkan untuk memperoleh dua sijil bagi projek berkenaan iaitu Indeks Pembinaan Hijau (GBI) dan Rekaan Tenaga dan Alam Sekitar (LEED) mengikut piawaian hijau Amerika Syarikat.

SP Setia turut melabur lebih RM150 juta bagi merangkaikan KL Eco City dengan beberapa lebuh raya utama di Lembah Klang.

Malah, projek berkenaan turut dilengkapi dengan stesen kemudahan pengangkutan awam bersepadu iaitu transit aliran ringan, transit aliran massa (MRT) dan Komuter Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB).

Pemaju hartanah itu juga merancang membina jambatan pejalan kaki menghubungkan KL Eco City dengan Mid Valley City.

Builder of Distinction

Setia
SP SETIA BHD GROUP